NO. SOALAN: 413

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN]

RUJUKAN : 7308

SOALAN:

Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan kes pemalsuan pasport antarabangsa Malaysia yang melibatkan kebanjiran pendatang asing yang kini melebihi 5.8 juta.

JAWAPAN:

Untuk makluman, bilangan kes pemalsuan pasport Malaysia bagi tahun 2010 adalah sebanyak 78 kes, tahun 2011 sebanyak 55 kes, tahun 2012 sebanyak 52 kes, tahun 2013 sebanyak 143 kes dan tahun 2014 sehingga bulan Julai terdapat 66 kes. Kesemua kes ini dikesan di luar negara.

Walau bagaimanapun, pemalsuan ini tidak menyumbang kepada kebanjiran pendatang asing.